

30/06/2002

Rakyat Singapura tidak tahu pergolakan dalaman

Munshi

AKHBAR perdana Singapura, The Straits Times, padat dengan berita mengenai keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad akan meletak jawatan, sejak Ahad lalu. Paling kurang dua berita utama dipaparkan mengenai politik Malaysia, setiap hari.

MUNSHI: Berita mengenai apa saja di luar Singapura tetap hangat dan menggemparkan bagi rakyat republik itu. Sesetengah laporan dan analisis Straits Times itu memberi gambaran negatif mengenai keadaan sebenar di Malaysia. Ada yang menelaah kemungkinan berlaku pergolakan politik dan keadaan ekonomi masa depan tidak menentu.

Begitu taksub sekali akhbar itu menghidangkan laporan dari Kuala Lumpur hingakan berita mengenai isteri Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, Ho Ching yang muncul sebagai wanita perkasa menerajui Temasek Holdings tenggelam.

Pada hal inilah julung-julung kali beliau mentrampilkan diri bagi mengikis anggapan umum Dinasti Lee di republik itu semakin diperkukuhkan dengan pelantikannya sebagai CEO konglomerat milik kerajaan itu.

Pemilihan berita yang biasanya memberi gambaran negatif terhadap Malaysia itu seolah-olah akan berlaku perebutan kuasa dalam Umno kelak menyebabkan ramai juga pembaca dan rakyat Singapura mempunyai pandangan tidak betul mengenai Malaysia. Straits Times yang berisi pelbagai laporan dan analisis mengenai peristiwa dan liku-liku pergeseran politik negara lain khususnya Malaysia itu menyebabkan pembaca beranggapan "memang teruklah Malaysia dan semua negara asing tu".

Mereka hidup seolah-olah di dalam sebuah lubang kejahilan melihatkan keadaan di luar sedangkan apa yang berlaku di dalam negeri terutama konflik politik dalaman membabitkan PAP, jarang disebarkan atau dapat dibaca di dada akhbar. Semuanya baik belaka mengenai Singapura. Kuman seberang lautan jelas kelihatan, gajah di depan mata mereka tak nampak!

(END)